

04 AUG 2000

Musa-Sekolah

ISU SEKOLAH WAWASAN MUNGKIN SENGAJA DIPOLITIKKAN, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Kebimbangan yang dikatakan timbul di kalangan masyarakat Cina di negara ini berkenaan penubuhan sekolah wawasan adalah satu perkara yang mungkin dipolitikkan oleh sesetengah pihak, kata Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad.

Beliau berkata ini kerana sekolah sedemikian telah lama wujud di negara ini dan sehingga kini ia tidak menimbulkan sebarang masalah seperti yang didakwa oleh pihak tertentu.

"Saya tidak tahu apa yang dibimbangkan, kita telah jalankan sekolah wawasan ini telah agak lama. Mungkin ada orang mempolitikkan kebimbangan itu saya tak tahulah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Anugerah Cemerlang Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Bukit Nanas, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan media yang menyatakan masyarakat Cina khususnya, merasa bimbang penubuhan sekolah wawasan itu akan menyebabkan sekolah kehilangan identiti.

Musa berkata beliau juga tidak fikir masyarakat negara ini berasa bimbang dengan kewujudan tiga sekolah berlainan identiti berkongsi infrastruktur kerana konsep itu adalah langkah baik terutama dalam memupuk integrasi antara kaum.

"Saya tidak fikir ada orang yang akan bimbang tentang hal itu dan mahu menyimpan kelompok-kelompoknya tanpa berintegrasi," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Barisan Nasional (BN) pada 25 Julai lalu berkata kesemua 14 parti komponen BN bersetuju dan menyokong penubuhan sekolah wawasan bagi mengukuhkan hubungan rakyat yang berbilang kaum bermula di peringkat sekolah.

Musa berkata pelaksanaan sekolah wawasan memerlukan kerjasama semua pihak dan kementerian tidak akan memaksa sekiranya sekolah-sekolah yang telah lama wujud, enggan berbuat demikian.

"Kalau misalnya ada sekolah lama yang tidak mahu beri kerjasama kita tidak akan memaksa mereka, tetapi kalau kita bina sekolah wawasan iaitu tiga sekolah baru dan mereka tidak mahu bekerjasama, maka susahlah," katanya.

Hari Anugerah itu diadakan khas bagi menyampaikan hadiah kepada pelajar-pelajar sekolah berkenaan yang mencatat kecemerlangan sama ada dalam peperiksaan atau aktiviti sukan.

-- BERNAMA

NM AHH RON